

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN [PARIT]**

TARIKH JAWAPAN : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana sejak tertubuhnya suruhanjaya ini terdapat kenaikan denda atau fi yang dikenakan ke atas pengguna apabila melibatkan penyambungan semula dan permohonan bekalan air ke permis perniagaan dan kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah agensi yang bertanggungjawab mengawal selia Industri Perkhidmatan Air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655]. Skop kawal selia SPAN termasuk menetapkan jenis dan kadar deposit, fi dan caj yang boleh dikenakan oleh operator bekalan air kepada pengguna selaras dengan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 yang dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2014.
2. Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 bertujuan untuk menyeragamkan deposit, fi dan caj yang dikenakan oleh operator bekalan air kepada pengguna.

Tuan Yang Dipertua,

3. Caj pemotongan dan penyambungan semula bekalan air merupakan caj yang dikenakan atas kegagalan pengguna membayar bil air meskipun notis pemotongan telah diberikan. Kadar caj ini mengambil kira kos yang terpaksa ditanggung oleh operator bekalan air untuk melaksanakan aktiviti pemotongan dan penyambungan semula bekalan air kepada pengguna. Dalam melaksanakan proses penyeragaman di bawah Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014, SPAN telah menjalan kajian terperinci untuk menentukan kadar caj pemotongan dan penyambungan semula bekalan air yang bersesuaian. Dalam hal ini, kadar caj asal yang rendah akan dinaikkan ke kadar caj semasa yang diseragamkan manakala kadar caj asal yang tinggi akan dikurangkan ke kadar caj semasa yang diseragamkan.
